

Kesenian Tamadun Islam dalam Warisan Seni Tradisi Melayu

BITARA

Volume 4, Issue 2, 2021: 162-167
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Art of Islamic Civilization in the Malay Heritage Art Tradition]

Siti Fatimah Datu Ali Nafiah¹

Abstrak

Masyarakat Melayu terkenal dengan warisan seni yang telah diwarisi turun-temurun daripada nenek moyang mereka. Pelbagai keunikan dan keindahan corak dan seni rekaan yang menonjolkan kesenian Islam dalam kehidupan seharian mereka. Artikel ini bertujuan membincangkan konsep kesenian dalam tamadun Islam. Perbincangan juga mencakupi unsur-unsur seni dari ketamadunan Islam serta meneliti perkembangan hasil seni dari warisan Tamadun Melayu yang bercirikan kesenian Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu. Metodologi kajian ini berbentuk kajian kepustakaan dan kajian hanya dibataskan kepada kesenian tradisi muzik Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa warisan seni tradisi Melayu mengamalkan unsur-unsur seni yang terdapat dalam ketamadunan Islam. Oleh yang demikian, masyarakat Islam, khususnya masyarakat Melayu perlu memastikan warisan seni tradisi Melayu terus berhubung dengan elemen seni Islam agar nilai kesenian berlandaskan ajaran Islam terus dihayati selaras dengan peradaban Islam.

Kata kunci:

seni, tamadun Islam, warisan tradisi, tamadun Melayu.

Abstract

Malay community is known for its artistic heritage that has been passed down from their ancestors. Various uniqueness and beauty of patterns and designs that highlight Islamic art in their daily lives. This article aims to discuss the concept of art in Islamic civilization. The discussion also includes elements of the art of Islamic civilization and examine the development of the art of Malay civilization heritage characterized by Islamic art in the life of the community. The methodology of this research shaped the literature review and study only restricted to traditional arts of Malay music. The study found that the heritage of Malay traditional art to practice the elements contained in the Islamic civilization. The Muslim community, especially the Malay community must ensure the artistic heritage of the Malay tradition connected with elements of Islamic art to the art based on the teachings of Islam continue to be lived in accordance with Islamic civilization.

Keywords:

art, civilization, heritage, Malay civilization.

¹ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

Corresponding Author:

SITI FATIMAH DATU ALI NAFIAH, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.

E-mail: ftdan550@gmail.com

Cite This Article:

Siti Fatimah Datu Ali Nafiah. 2021. Kesenian Tamadun Islam dalam warisan seni tradisi Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 162-167.

Pengenalan

Proses interaksi peradaban antara tamadun Islam dan tamadun Melayu telah membawa salah satu perkembangan kehidupan masyarakat Melayu iaitu aspek kesenian. Hal ini kerana, kedatangan Islam di Alam Melayu mula mendekatkan masyarakat Melayu iaitu aspek kesenian. Hal ini kerana, kedatangan Islam di Alam Melayu mula mendekatkan masyarakat dengan ciri-ciri tamadun Islam. Setelah itu, penerapan Islam mula membentuk budaya tradisi masyarakat Melayu sekali gus menghubungkannya dengan budaya tamadun Islam. Hubungan kesenian Islam dalam aspek kehidupan manusia dinyatakan oleh Mana Sikana (1966) (Idris 2012) dalam bukunya yang berjudul *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* bahawa dasar seni dan budaya dalam Islam berkait rapat dengan falsafah Islam iaitu Allah SWT adalah penentu segalanya berbeza dengan falsafah Barat dan falsafah tamadun lain yang berpendapat bahawa manusia merupakan penentu bagi segala perkara yang berlaku dalam segenap kehidupan mereka.

Sorotan Literatur

Nik Hassan Shuhaimi (2000) menyatakan bahawa kegiatan seni dalam kesenian Islam berkait rapat dengan jiwa kesenian individu yang mempunyai hubungan dengan penghayatan nilai rohaniah. Namun begitu, Idris (2012) menyatakan bahawa masyarakat Melayu kini berkemungkinan menghadapi cabaran dalam mendaulatkan Islam sebagai asas kesenian Melayu, apabila nilai-nilai Islam bertembung silang dengan unsur-unsur kebudayaan dan kesenian luar yang berlaku tanpa batasan. Tambahan pula, menurut pendapat Mohd Zuhdi (2008), masyarakat sering memberi tanggapan bahawa ketamadunan lebih menjurus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan penempatan, dan kemudahan semata-mata sedangkan konsep ketamadunan juga perlu dilihat dari perspektif yang meliputi pencapaian tatasusila dan peradaban yang tinggi.

Justeru, berdasarkan pernyataan tersebut perspektif kesenian secara umum yang diutamakan dalam Islam ialah kesenian yang mampu meningkatkan kehalusan dan keindahan budi manusia dalam membentuk hubungan manusia dengan Allah SWT, antara manusia dengan manusia serta hubungan manusia dengan persekitaran sekelilingnya. Oleh itu, menurut Lois Lamy' al-Faruqi, kesenian Islam tidak terhad kepada hasil ciptaan atau bangunan yang berunsur keagamaan semata-mata, ia juga meliputi semua hasil ciptaan yang dihasilkan melalui kemahiran dan mempunyai nilai estetika dalam menyampaikan perutusan Islam (Nik Hassan Shuhaimi 2000).

Pelbagai aspek warisan kesenian Islam yang sering dibahaskan oleh para sarjana secara umumnya iaitu meliputi seni bina, seni ukir, seni khat yang kebanyakannya terbukti dari hasil penemuan pengkaji secara khusus terhadap peninggalan seni Islam seperti batu nisan, wang

syiling, batu bersurat, tembikar dan masjid dalam tamadun Melayu. Walaupun begitu, Nik Hassan Shuhaimi (2000) berpendapat bahawa selain warisan berbentuk fizikal, terdapat warisan lain seperti warisan amalan tradisi yang masih diteruskan sehingga ke hari ini.

Tujuan & Objektif Kajian

Perbincangan artikel ini bertujuan untuk mengkaji aspek kesenian dari peradaban Islam dalam perkembangan warisan tradisi masyarakat Melayu. Secara khususnya, objektif kajian diperincikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Mengetahui konsep kesenian dalam tamadun Islam.
2. Mengenal pasti pengaruh kesenian dari peradaban Islam dalam seni Tamadun Melayu.
3. Mengenal pasti warisan tradisi Tamadun Melayu yang berkembang hasil dari perkembangan kesenian tamadun Islam.

Persoalan Kajian

1. Apakah konsep peradaban kesenian dalam Tamadun Islam
2. Apakah pengaruh kesenian dari peradaban Islam yang diterapkan dalam kesenian tamadun Melayu?
3. Apakah warisan tradisi Tamadun Melayu yang berkembang hasil dari perkembangan kesenian tamadun Islam?

Metode Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpul sumber buku dan juga jurnal yang membahaskan aspek budaya kesenian Islam dalam Tamadun Melayu. Hasil dapatan dianalisis secara naratif sistematik berdasarkan perincian objektif dan persoalan kajian.

Batasan Kajian

Kajian dibataskan kepada cabang kesenian yang terdapat dalam kebudayaan melayu dengan membahaskan pengaruh kesenian dari peradaban Islam dalam Tamadun Melayu. Manakala perbincangan hasil atau karya seni meliputi seni muzik dan seni tampak (visual) yang diwarisi turun-turun oleh masyarakat Melayu.

Dapatan & Perbincangan Kajian

Hasil penelitian kepustakaan mendapati bahawa terdapat tiga aspek yang dikenal pasti merupakan elemen pengaruh kesenian dari peradaban Islam sekali gus memberi kesan terhadap warisan tradisi Tamadun Melayu.

Konsep Kesenian dalam Tamadun Islam

Kesenian merupakan salah satu dari aspek peradaban dalam tamadun Islam. Wan Zailan Kamaruddin et.al (2006) dan Nik Hassan Shuhaimi et.al (2000) menyatakan bahawa kesenian dalam tamadun Islam mempunyai hubungan dengan penghayatan nilai rohaniah kerana terhasil dari jiwa yang jujur dan tercipta untuk mengekspresikan rasa syukur terhadap Allah SWT. Menurut Rahmah et.al (2008) pula, konsep seni secara umum merupakan buatan manusia yang dihasilkan melalui akal, budi dan perasaan sekaligus dijadikan pencetus dan bukti dalam mewujudkan peradaban sesuatu tamadun.

Manakala, konteks penghasilan seni dengan ketamadunan adalah daya kesenian yang dihasilkan melalui hubungan persekitaran individu dengan nilai agamanya. Menurut Idris (2012), kesenian tamadun Islam berkait rapat dengan nilai-nilai Islam yang meresap ke dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Unsur-unsur Seni Tamadun Islam dan Kesannya dalam Kesenian Tamadun Melayu

Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat dua jenis unsur seni yang wujud dalam ketamadunan Islam dan memberi kesan terhadap perkembangan elemen seni Tamadun Melayu. Pertama, adalah unsur bunyi atau suara seperti yang dinyatakan oleh Khairuddin et.al (2014) iaitu pengucapan pujian-pujian pada Allah SWT dan pujian terhadap Nabi Muhammad SAW yang dilagukan dalam bahasa Arab dalam muzik tradisi budaya Melayu. Manakala unsur lain pula adalah unsur rupa dan jalinan dalam bentuk kaligrafi yang terhasil dari seni penulisan khat. Menurut Nik Hassan Shuhaimi et.al (2000) dan Idris (2012), perkembangan seni khat atau dikenali sebagai kaligrafi Arab berkembang luas ke negara Islam termasuk kerajaan-kerajaan di Alam Melayu yang lain seiring perkembangan seni bina, seni ukir, sulaman dan juga tenunan. Seni dari Peradaban Tamadun Islam dalam Warisan Kesenian Tradisi Melayu.

1. Muzik (Seni Suara) Tradisi Melayu

i. Hadrah

Hadrah adalah seni muzik yang berasal dari Timur tengah dan merupakan budaya orang Arab yang telah diadaptasi oleh masyarakat Melayu. Setelah kedatangan Islam, muzik hadrah dipersembahkan oleh masyarakat Melayu dengan lirik yang memuji kebesaran Allah SWT dan

selawat ke atas Rasulullah SAW serta diiringi alatan muzik seperti rebana dan kompang (Mohd Hassan t.th).

ii. Rodat

Rodat merupakan suatu bentuk persembahan kesenian muzik tradisi budaya masyarakat Melayu. Perkataan rodan berasal dari bahasa Arab yang bermaksud ulang alik, sahut menyahut dan berbalas-balas. Antara masyarakat Melayu yang terkenal dengan persembahan rodan adalah masyarakat Melayu Terengganu yang mendendangkan rodan dalam majlis-majlis perkahwinan, kenduri-kendara, berkhatan, musim menuai, hari keputeraan sultan dan di pesta-pesta kebudayaan (www.kkmm.gov.my).

2. Peralatan Muzik Tradisi Melayu

i. Gambus

Gambus merupakan kumpulan alat muzik yang menghasilkan bunyi melalui tali yang bergetar (Abdul Rahim Bahari et.al 2013). Alatan muzik gambus mula diperkenalkan di Alam Melayu pada awal abad ke-9M. Terdapat pelbagai teori tentang asal alat muzik gambus sama ada ia berasal dari tanah Arab, Farsi atau Portugis. Namun, kebanyakan sejarawan menyatakan bahawa gambus merupakan alat muzik yang sering dimainkan oleh orang Arab yang berdagang di Tanah Melayu ketika zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka. Kini, masyarakat Melayu menggunakan alat muzik gambus ketika persembahan ghazal dan tarian zapin dan terkenal di negeri Johor (Hilarian 2004).

ii. Rebana

Rebana adalah sejenis alat muzik yang berasal dari Timur Tengah. Penggunaan alat muzik ini berkembang luas sehingga ke Alam Melayu. Hasil temubual Mohd Azam et.al (t.th) dengan Haji Ismail Yusof yang merupakan pengamal seni muzik tradisi Melayu di negeri Perak mendapati bahawa rebana adalah alat muzik yang mengiringi persembahan lagu tarian bubu. Lagu tarian bubu mempunyai lirik yang diselang seli antara lirik bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Kesimpulan

Kesenian adalah salah satu cabang kebudayaan dalam sesebuah tamadun dan perkembangan peradaban Islam ke Tanah Melayu membawa pengaruh terhadap beberapa aspek kesenian masyarakat melayu. Hasil kajian yang dibincangkan dapat membantu menambah kefahaman masyarakat Islam tentang hakikat sebenar seni dari sudut pandang ajaran agama Islam dan menghayati nilai kesenian berlandaskan ajaran dan landasan Islam yang telah ditetapkan sebagai garis panduan dalam peradaban Islam.

Rujukan

- Abdul Rahim Bahari. Mohd Zaki Nuawi. Ab Samad Kechot. Firdaus Mohd Hamzah. Suziana Mat Saad. 2013. Pemetaan dan pengelompokan isyarat akustik alat muzik tradisional melayu menggunakan kaedah analisis isyarat statistik. *Jurnal Kejuruteraan*. 25:33-38.
- Abdul Wahid Jais. Faezah Kassim. 2006. *Interaksi antara Tamadun*. Dlm. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hilarian, L. 2004. The gambus (lutes) of the malay world: its origins and significance in zapin music. *UNESCO Regional Expert Symposium on Arts Education in Asia*, Hongkong. 1-25.
- Idris Zakaria. 2012. Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*. 91-108.
- Khairuddin Mohamad. Ghazali Ismail. Wan Zalina Wan Othman. 2014. *Kebudayaan Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon, Nor Shuradi Nor Hashim. t.th. Muzik tradisi tari rakyat Perak: suatu pendekatan etnomuzikologi. *Malaysian Music Journal*. 2(1):72-105.
- Mohd Hassan Abdullah. t.th. Music education in Malaysian public school: implementation, issues and challenges. *Jurnal Bitara*. 1(3): 33-48.
- Mohamad Kamil Abdul Majid & Muhammed Yusof. 2008. Ke arah memperkasakan islamisasi seni muzik sebagai satu alternative: satu pengamatan awal. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*. 105- 121.
- Mohd Zuhdi Marsuki. 2006. Konsep Tamadun. Dlm. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Siti Zainon Ismail, Lokman Mohd Zen & Othman Mohd Yatim. 2000. Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan. Dlm. *Tamadun Islam di Malaysia*. Pnyt. Mohd Taib Osman dan A. Aziz Deraman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rodat. t.p. t.th. www.kkmm.gov.my/pdf/buku/rodat.pdf [25 APRIL 2016].